



Dari peranannya sebagai tempat umat Islam negara ini menyimpan wang sedikit demi sedikit bagi tujuan mencukupkan perbelanjaan menunaikan fardu haji sehinggalah kepada peranannya sebagai badan pelaburan umat Islam yang dinamik, kehadirannya amat dibanggakan oleh umat Islam di negara ini.

Penyata Kewangan

KANDUNGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN**

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN

PENYATA PERUBAHAN RIZAB YANG DISATUKAN

PENYATA PERUBAHAN RIZAB

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG HAJI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengaudit yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengaudit dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengaudit ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengaudit yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.


Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 JUN 2010



LEMBAGA TABUNG HAJI
PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

LEMBAGA TABUNG HAJI
PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH


Kami, TAN SRI DATO' SRI ABI MUSA ASA'ARI MOHAMED NOR dan DATUK ISMEE ISMAIL yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 DISEMBER 2009 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak lembaga,



TAN SRI DATO' SRI ABI MUSA ASA'ARI
MOHAMED NOR
PENGERUSI
11 JUN 2010
Bangunan Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Bagi pihak lembaga,



DATUK ISMEE ISMAIL
PENGARAH URUSAN KUMPULAN
DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
11 JUN 2010
Bangunan Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

LEMBAGA TABUNG HAJI

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG HAJI**

Saya, ROZAIDA OMAR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan LEMBAGA TABUNG HAJI, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas ROZAIDA OMAR

Di : Kuala Lumpur

Pada : 05 APR 2010



**ROZAIDA OMAR
KETUA PEGAWAI KEWANGAN
KUMPULAN**

Di hadapan saya:



2738A, Jalan Changkat Permata
Taman Permata
53300 Kuala Lumpur

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN
 pada 31 Disember 2009

	Nota	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Aset					
Tunai dan dana jangka pendek	4	8,345,611	3,340,654	4,510,142	3,092,471
Deposit dan simpanan dengan bank					
dan institusi kewangan lain	5	176,339	-	-	-
Sekuriti dipegang untuk dagangan	6	608,339	-	-	-
Sekuriti tersedia untuk dijual	7	11,372,145	-	-	-
Sekuriti dipegang sehingga matang	8	155,007	-	-	-
Aset dipegang untuk dijual	9	1,627	2,757	160	257
Penghutang perniagaan dan pelbagai	10	984,212	601,567	286,897	321,547
Tuntutan semula cukai					
Inventori	11	85,420	171,100	-	-
Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	12	10,457,998	-	893,840	1,045,178
Deposit berkanun di Bank Negara Malaysia	13	20,000	-	-	-
Belanja tertunda	14	15,710	12,016	-	-
Kos pembangunan hartanah	15	230,298	218,350	-	-
Cukai tertunda	16	73,174	13,579	-	-
Pelaburan kewangan	17	3,233,752	4,037,055	4,558,752	4,037,055
Pelaburan ekuiti	18	7,542,067	7,777,407	8,047,176	7,885,837
Aset tak ketara	19	340,397	-	-	-
Pelaburan dalam entiti dikawal bersama	20	119,721	8,177	-	-
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	21	1,473,979	1,983,746	1,116,404	1,636,858
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	22	-	-	2,553,017	1,209,815
Pelaburan hartanah	23	1,588,188	1,418,579	1,584,603	1,414,842
Perbelanjaan pembangunan ladang	24	363,159	201,624	-	-
Pajakan prabayar	25	471,853	411,229	205,515	211,575
Hartanah, loji dan peralatan	26	2,412,445	1,698,804	666,987	661,877
Aset dana takaful am dan keluarga	27	4,082,548	-	-	-
Jumlah aset		54,352,703	22,036,087	24,599,255	21,646,999

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN

pada 31 Disember 2009 (*sambungan*)

	Nota	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Liabiliti					
Deposit daripada pelanggan perbankan	28	21,557,467	-	-	-
Deposit dan simpanan oleh bank dan institusi kewangan lain	29	329,782	-	-	-
Tanggungan berkaitan dengan aset untuk dijual	9	-	179	-	-
Peruntukan zakat dan cukai		152,108	4,909	-	-
Pembiutang perniagaan dan pelbagai	30	1,334,687	522,545	152,105	305,792
Pajakan kewangan	31	256	120	-	-
Pembentahan	32	277,593	176,920	-	-
Pendapatan tertunda	33	11,842	12,153	11,842	12,153
Cukai tertunda	16	135,810	41,877	-	-
Peruntukan pelan manfaat persaraan	34	172,958	132,479	160,073	125,196
Liabiliti dana takaful am dan keluarga	27	492,054	-	-	-
Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan keluarga	27	3,590,494	-	-	-
Jumlah liabiliti		28,055,051	891,182	324,020	443,141
Dana diwakili oleh:					
Kumpulan wang simpanan pendeposit	35	23,590,433	20,576,321	23,590,433	20,576,321
Rizab		752,722	424,445	684,802	627,537
Kepentingan minoriti		24,343,155	21,000,766	24,275,235	21,203,858
Jumlah dana		1,954,497	144,139	-	-
Jumlah liabiliti dan dana		26,297,652	21,144,905	24,275,235	21,203,858
		54,352,703	22,036,087	24,599,255	21,646,999

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 120 hingga 196 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	Nota	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Pendapatan	36	3,510,825	2,278,618	1,569,235	1,460,914
Kos jualan	36	(922,669)	(683,704)	-	-
Keuntungan kasar		2,588,156	1,594,914	1,569,235	1,460,914
Pendapatan lain		352,773	99,668	182,905	52,582
Pendapatan boleh agih kepada pelanggan perbankan	37	(180,904)	-	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(730,408)	(418,255)	(322,567)	(289,871)
Perbelanjaan lain		(304,781)	(178,780)	(122,666)	(112,720)
Keuntungan operasi	38	1,724,836	1,097,547	1,306,907	1,110,905
Kos kewangan		(10,999)	(1,494)	-	-
Elaun rosot nilai dan hapuskira	39	(223,854)	(71,755)	(148,347)	(71,755)
Zakat	40	(50,474)	(41,016)	(38,764)	(38,149)
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat dalam syarikat bersekutu		117,474	204,470	-	-
Bahagian keuntungan/(kerugian) selepas cukai dan zakat dalam entiti dikawal bersama		4,448	(2,684)	-	-
Keuntungan sebelum cukai	41	1,561,431	1,185,068	1,119,796	1,001,001
Cukai		(136,928)	(22,557)	-	-
Keuntungan tahun semasa		1,424,503	1,162,511	1,119,796	1,001,001
Kerugian tahun semasa daripada operasi yang dihentikan		-	(542)	-	-
Keuntungan tahun semasa		1,424,503	1,161,969	1,119,796	1,001,001
Atribut kepada:					
LTH		1,297,058	1,123,521	1,119,796	1,001,001
Kepentingan minoriti		127,445	38,448	-	-
Keuntungan tahun semasa		1,424,503	1,161,969	1,119,796	1,001,001

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 120 hingga 196 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

PENYATA PERUBAHAN RIZAB YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

Atribut kepada Lembaga Tabung Haji

Kumpulan	Nota	Rizab						Rizab		
		Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan			Tidak boleh diagihkan		
		Rizab modal	Rizab penilaian semula	Rizab opsyen saham kakitangan	Rizab nilai saksama	terkumpul TKJHM dan TWT	Keuntungan terkumpul	Jumlah	tukaran asing	Kepentingan minoriti
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2009		6,254	908	-	-	179,243	418,246	604,651	(180,206)	144,139
Pengurangan tahun semasa		-	-	-	-	(1,609)	-	(1,609)	-	-
Lebihan bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	42	-	-	-	-	6,140	-	6,140	-	-
Keuntungan tahun semasa		-	-	-	-	-	1,297,058	1,297,058	-	127,445
Bonus dikreditkan kepada pendeposit	43	-	-	-	-	-	(1,067,062)	(1,067,062)	-	-
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	-	(15,374)
Kos opsyen saham kakitangan		-	-	7,994	-	-	-	7,994	-	-
Terbitan saham di bawah opsyen saham kakitangan		-	-	(29)	-	-	-	(29)	-	-
Penilaian semula sekuriti dipegang untuk dijual		-	-	-	16,771	-	-	16,771	-	16,177
Perubahan dalam pegangan struktur Kumpulan		-	-	-	-	-	(88,718)	(88,718)	-	1,676,038
Perbezaan tukaran asing*		-	-	-	-	-	-	-	157,732	6,072
Pada 31 Disember 2009		6,254	908	7,965	16,771	183,774	559,524	775,196	(22,474)	1,954,497

* Keuntungan/(Kerugian) tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

TKJHM merujuk kepada Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia dan TWT merujuk kepada Tabung Warga Tua.

PENYATA PERUBAHAN RIZAB YANG DISATUKAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

Atribut kepada Lembaga Tabung Haji

Kumpulan	Nota	RM'000	<i>Tidak boleh diagihkan</i>				<i>Boleh diagihkan</i>		<i>Tidak boleh diagihkan</i>		
			Rizab								
			Rizab modal	Rizab penilaian semula	Rizab opsyen saham	Rizab nilai saksama	terkumpul TKJHM dan TWT	Keuntungan terkumpul	Jumlah	Rizab tukaran asing	
										Kepentingan minoriti	
Pada 1 Januari 2008		6,254	908	-	-	-	169,705	195,070	371,937	(75,730)	125,706
Tambahan tahun semasa		-	-	-	-	-	4,051	-	4,051	-	-
Lebihan bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	42	-	-	-	-	-	5,487	-	5,487	-	-
Keuntungan tahun semasa		-	-	-	-	-	-	1,123,521	1,123,521	-	38,448
Bonus dikreditkan kepada pendeposit	43	-	-	-	-	-	-	(900,345)	(900,345)	-	-
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	-	-	(19,101)
Atas penjualan syarikat subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	-	(3,170)
Terbitan saham kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	-	-	2,256
Perbezaan tukaran asing*		-	-	-	-	-	-	-	-	(104,476)	-
Pada 31 Disember 2008		6,254	908	-	-	-	179,243	418,246	604,651	(180,206)	144,139

* Keuntungan/(Kerugian) tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan.
TKJHM merujuk kepada Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia dan TWT merujuk kepada Tabung Warga Tua.

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 120 hingga 196 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

PENYATA PERUBAHAN RIZAB

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

Atribut kepada Lembaga Tabung Haji

Kumpulan	Nota	Atribut kepada Lembaga Tabung Haji									
		Tidak boleh diagihkan					Boleh diagihkan			Tidak boleh diagihkan	
		Rizab		Rizab opsyen		Rizab terkumpul	Keuntungan		Rizab tukaran	Kepentingan	
		Rizab modal	penilaian semula	Rizab saham kakitangan	Rizab nilai saksama	TKJHM dan TWT	terkumpul	Keuntungan terkumpul	Jumlah	Rizab asing	Kepentingan minoriti
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2008		6,254	908	-	-	169,705	195,070	371,937	(75,730)	125,706	
Tambahan tahun semasa		-	-	-	-	4,051	-	4,051	-	-	
Lebihan bersih TKJHM dan TWT											
tahun semasa	42	-	-	-	-	5,487	-	5,487	-	-	
Keuntungan tahun semasa		-	-	-	-	-	1,123,521	1,123,521	-	38,448	
Bonus dikreditkan kepada											
pendeposit	43	-	-	-	-	-	(900,345)	(900,345)	-	-	
Dividen dibayar kepada											
pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	-	(19,101)	
Atas penjualan syarikat subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	(3,170)	
Terbitan saham kepada pemegang											
saham minoriti		-	-	-	-	-	-	-	-	2,256	
Perbezaan tukaran asing*		-	-	-	-	-	-	-	(104,476)	-	
Pada 31 Disember 2008		6,254	908	-	-	179,243	418,246	604,651	(180,206)	144,139	

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 120 hingga 196 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	1,561,431	1,185,068	1,119,796	1,001,001
Pelarasan untuk:				
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	147,882	109,983	33,796	30,200
Susut nilai pajakan prabayar	9,516	8,993	6,111	6,210
Susut nilai pelaburan harta tanah	43,586	38,458	43,508	38,437
Keuntungan daripada jualan harta tanah, loji dan peralatan	(87,464)	(877)	(87,348)	(70)
Keuntungan/(Kerugian) daripada pelaburan harta tanah	852	(11,710)	1,091	(11,710)
Dividen syarikat bersekutu	-	-	(25,392)	(31,713)
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat dalam syarikat bersekutu	(117,474)	(204,470)	-	-
Bahagian keuntungan/(kerugian) selepas cukai dan zakat dalam entiti dikawal bersama	(4,448)	2,684	-	-
Keuntungan urusniaga saham	(1,027,692)	(229,302)	(822,514)	(353,008)
Keuntungan pembiayaan kepada syarikat subsidiari	-	-	(1,575)	(97,728)
Elaun kerugian atas pembiayaan perbankan	83,929	-	-	-
Elaun rosot nilai pelaburan saham	139,417	69,022	147,839	69,022
Elaun rosot nilai penghutang perniagaan	468	-	468	-
Peruntukan pelan manfaat persaraan	43,880	40,248	39,186	37,873
Harta tanah, loji dan peralatan dihapuskira	3,651	38,137	4	5,222
Pajakan prabayar dihapuskira	-	4,133	-	-
Perbelanjaan pembangunan ladang dihapuskira	190	-	-	-
Pelaburan dan lain-lain dihapuskira	40	2,733	40	2,733
Elaun hutang rugu diambil semula	(2,718)	(24,681)	(517)	(34,881)
Pelunasan belanja tertunda	7,962	4,182	-	-
Pelunasan pendapatan tertunda	(311)	(311)	(311)	(311)
Pelunasan aset tak ketara	4,118	-	-	-

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
(Keuntungan)/Kerugian tukaran wang asing	(17,299)	3,239	(18,898)	(4,124)
Zakat	50,474	41,016	38,764	38,149
Pelunasan premium sekuriti hutang Islam	4,315	5,052	4,315	5,052
Keuntungan bersih atas penjualan sekuriti	(11,884)	-	-	-
Pendapatan dividen perbankan	(8,437)	-	-	-
Nilai saksama opsyen saham kakitangan	7,994	-	-	-
Kos kewangan	10,999	3,111	-	-
Keuntungan operasi sebelum pergerakan dalam modal kerja	842,977	1,084,708	478,363	700,354
(Penambahan)/Pengurangan dalam modal kerja:				
Inventori	94,187	(98,980)	-	-
Penghutang perniagaan dan pelbagai	(291,060)	(31,517)	(34,472)	(32,816)
Pembiutang perniagaan dan pelbagai	812,142	279,290	848,830	158,186
Deposit berkanun di Bank Negara Malaysia	119,729	-	-	-
Bil bayaran	172,854	-	-	-
Pembentukan pelanggan perbankan	(796,134)	-	-	-
Deposit daripada pelanggan perbankan	(1,696,467)	-	-	-
Deposit dan simpanan oleh bank dan institusi kewangan lain	321,704	-	-	-
Tunai (digunakan dalam)/diperoleh daripada aktiviti operasi	(420,068)	1,233,501	1,292,721	825,724
Bayaran bonus kepada pendeposit	(1,067,062)	(900,345)	(1,067,062)	(900,345)
Bayaran zakat	(43,508)	(34,549)	(38,149)	(34,366)
Bayaran cukai	(30,654)	(54,577)	-	-
Cukai dibayar balik	-	107,547	-	107,547
Bayaran pelan manfaat persaraan	(4,736)	(5,593)	(4,309)	(5,471)
Perbelanjaan pembangunan ladang	(131,661)	(95,196)	-	-
Perbelanjaan pembangunan harta tanah	(11,768)	(31,571)	-	-
Bayaran belanja tertunda	(11,656)	(3,704)	-	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/diperoleh daripada aktiviti operasi	(1,721,113)	215,513	183,201	(6,911)

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	<u>2009</u> RM'000	<u>2008</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000	<u>2008</u> RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan				
Hasil dari jualan loji dan peralatan	18,565	1,268	270	100
Hasil dari pajakan prabayar	-	41,747	-	41,747
Hasil dari penjualan pelaburan harta tanah	4,153	5,618	3,839	5,618
Hasil dari penjualan syarikat subsidiari	-	-	-	40,000
Hasil dari penjualan syarikat bersekutu	13,305	-	13,305	-
Belian harta tanah, loji dan peralatan	(300,591)	(613,552)	(51,641)	(379,527)
Bayaran pajakan prabayar	(81)	(13,267)	(51)	(28)
Pengambilalihan syarikat subsidiari	8,615,641	-	-	(75,706)
Pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari	(1,197,508)	(39,695)	(968,718)	(17,301)
Pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu	(84,904)	(723,260)	(15,610)	(723,260)
Hasil/(Pelaburan) bersih ekuiti	179,541	(2,066,266)	(217,192)	(2,066,266)
Pelaburan kewangan	(266,962)	(1,929,997)	(526,692)	(1,929,997)
Bayaran balik pembiayaan oleh syarikat subsidiari (bersih)	-	-	151,339	126,100
Belian bersih sekuriti perbankan	(3,042,548)	-	-	-
Pelaburan harta tanah	(216,845)	(199,287)	(216,845)	(199,287)
Pelaburan bersih dalam entiti dikawal bersama	(123,450)	-	-	-
Dividen dari syarikat bersekutu	176,462	37,460	25,392	31,713
Perbezaan tukaran wang asing	17,299	(3,239)	18,898	4,124
Kos kewangan	(6,241)	(3,111)	-	-
Tunai bersih diperoleh daripada/ (digunakan dalam) aktiviti pelaburan	3,785,836	5,505,563	(1,783,706)	(5,141,970)

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKANbagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan				
Terbitan saham kepada pemegang saham minoriti	-	2,268	-	-
Terimaan daripada pembiayaan jangka panjang	163,548	59,839	-	-
Pembayaran balik pinjaman bank	(49,778)	(363)	-	-
Pembayaran dividen kepada pemegang saham minoriti	(15,374)	(19,101)	-	-
Kumpulan wang simpanan pendeposit	3,014,112	3,493,356	3,014,112	3,493,356
Pembiayaan bersih/(Pembayaran balik) pajakan kewangan	17	(11)	-	-
Tunai bersih diperoleh daripada aktiviti kewangan	3,112,525	3,535,988	3,014,112	3,493,356
Penambahan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	5,177,248	(1,754,062)	1,413,607	(1,655,525)
Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari	3,337,654	5,085,711	3,092,471	4,741,991
Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai TKJHM	4,064	6,005	4,064	6,005
Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember	8,518,966	3,337,654	4,510,142	3,092,471

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	<u>2009</u> RM'000	<u>2008</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000	<u>2008</u> RM'000
Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:				
Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen	4,102,794	3,049,504	4,365,634	2,925,054
Tunai dan baki di bank	981,253	291,150	144,508	167,417
Wang panggilan dan simpanan antara bank	3,261,564	-	-	-
	4	8,345,611	3,340,654	4,510,142
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	5	176,339	-	-
Overdraft bank	32	(191)	(3,000)	-
Deposit dicagarkan		(2,793)	-	-
		8,518,966	3,337,654	4,510,142
				3,092,471

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 120 hingga 196 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

1. Maklumat Korporat

Lembaga Tabung Haji ("LTH") ialah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

Aktiviti utama LTH adalah menjalankan pengurusan segala operasi haji, menerima dan mengurus wang simpanan daripada para pendeposit, memegang pelaburan dan penyewaan bangunan. Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 22 kepada penyata kewangan. Tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara dalam aktiviti utama yang dijalankan pada sepanjang tahun kewangan kecuali pengambilalihan kumpulan perbankan dan takaful menerusi BIMB Holdings Berhad dan kumpulan perkhidmatan teknologi maklumat menerusi Lityan Holdings Berhad.

Lokasi utama perniagaan terletak di Bangunan Tabung Haji, 201 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 ini telah diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 29 Mac 2010.

2. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan LTH telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") bagi Entiti Selain Entiti Persendirian yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan prinsip perakaunan diterima pakai umum di Malaysia yang diselaras menurut prinsip-prinsip Syariah.

Piawaian-piawaian perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan LTH adalah konsisten dengan tahun sebelumnya.

Beberapa jumlah perbandingan telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan LTH telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah kecuali bagi sekuriti dipegang untuk dagangan, sekuriti tersedia untuk dijual dan derivatif instrumen kewangan seperti yang dinyatakan dalam Nota 3 (i).

(c) Mata wang fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsian Kumpulan dan LTH. Kesemua jumlah kewangan dinyatakan dalam RM dan telah dibundarkan ke jumlah ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat beberapa pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar barangkali berbeza daripada anggaran berkaitan.

Anggaran dan andaian asas adalah dikaji secara berterusan. Pindaan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

3. Dasar perakaunan penting

(a) Asas penyataan

(i) Syarikat subsidiari

Syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di bawah kawalan Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah syarikat dengan tujuan untuk mendapat manfaat daripada aktivitiinya. Penyata kewangan syarikat subsidiari diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh kawalan berkuat kuasa sehingga ke tarikh kawalan tamat. Syarikat subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan.

Sesebuah syarikat subsidiari dikeluarkan daripada penyataan apabila kawalan hanya untuk sementara atau jika syarikat subsidiari diambil alih dan dipegang secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual pada masa terdekat dan tidak pernah disatukan atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang menjelaskan dengan ketara keupayaannya untuk menyalurkan dana kepada Kumpulan. Syarikat subsidiari yang dikeluarkan atas alasan ini diambil kira sebagai pelaburan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dengan nilai saksama asset bersih syarikat subsidiari dikira sebagai muhibah atau rizab penyataan, yang mana bersesuaian.

Mengikut kaedah pegambilalihan perakaunan, kedudukan kewangan syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual pada sesuatu tahun kewangan diambil kira dari tarikh pengambilalihan atau sehingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama asset bersih syarikat subsidiari ditentukan dan nilai ini diambil kira ke dalam penyata kewangan Kumpulan.

Semua urus niaga dan baki antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan dan sebarang keuntungan belum realis yang terbit daripada urus niaga tersebut dihapuskan dalam penyataan. Kerugian belum realis yang terhasil daripada urus niaga dalam Kumpulan juga dihapuskan kecuali apabila kos tidak boleh diperoleh semula.

(ii) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah syarikat dalam mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, atas dasar-dasar kewangan dan operasi syarikat berkenaan.

Penyata kewangan yang disatukan mengambil kira jumlah keuntungan dan kerugian dalam syarikat bersekutu dengan menggunakan kaedah ekuiti perakaunan bermula dari tarikh pengaruh penting wujud secara efektif sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir secara efektif.

Keuntungan belum realis yang wujud daripada urus niaga antara Kumpulan dengan syarikat bersekutu yang termasuk dalam nilai aset dan liabiliti yang dibawa, sebahagiannya dihapuskan mengikut kadar kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian belum realis daripada urus niaga sedemikian juga dihapuskan sebahagiannya kecuali apabila kos tidak dapat diperoleh semula.

Muhibah dari penyataan dikira berdasarkan nilai saksama asset bersih yang diambil alih.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting

(a) Asas penyatuhan (*sambungan*)

(iii) Entiti dikawal bersama

Entiti dikawal bersama adalah satu perjanjian yang diikat yang mana Kumpulan dan pihak-pihak lain mempunyai kawalan bersama ke atas entiti ekonomi.

Bagi kepentingan dalam entiti dikawal bersama, Kumpulan menggunakan pakai kaedah ekuiti untuk mengambil kira kepentingannya dalam entiti dikawal bersama.

Keuntungan atau kerugian belum realis yang wujud daripada urus niaga antara Kumpulan dengan entiti dikawal bersama hanya diiktiraf mengikut kadar keuntungan atau kerugian yang menyumbang kepada kepentingan Kumpulan dalam entiti tersebut. Kerugian belum realis diiktiraf secara penuh apabila urus niaga itu menunjukkan pengurangan dalam nilai boleh realis bersama atau kerugian rosot nilai.

(b) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan kecuali tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan dinyatakan pada kos atau penilaian ditolak susut nilai terkumpul.

Hartanah, loji dan peralatan yang tidak lagi digunakan secara aktif dan dipegang untuk dijual dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai buku dengan nilai boleh realis bersih.

Lebihan yang wujud daripada penilaian semula diambil kira dalam rizab penilaian semula. Sebarang defisit yang timbul selepas penilaian tersebut dihapuskan dalam rizab penilaian semula terhad kepada lebihan yang wujud bagi aset yang sama pada penilaian terdahulu. Di dalam keadaan lain, penurunan dalam nilai dibawa akan dikenakan ke penyata pendapatan.

Susut nilai

(i) Tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan tidak dilunaskan. Kaedah garis lurus digunakan untuk susut nilai aset-aset lain sepanjang tempoh usia guna mengikut kadar tahunan berikut:

Bangunan	
- Kilang Kelapa sawit	2%
- Lain-lain	2% - 20%
Pembaikan dan pengubahsuaian bangunan	14% - 15%
Jentera, loji, kelengkapan dan kenderaan	10% - 25%

(ii) Kos ladang merangkumi kesemua perbelanjaan pembangunan dan penanaman ladang yang berkaitan dan dilunaskan dalam tempoh 21 hingga 25 tahun berdasarkan usia guna dan anggaran keluaran tahunan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(c) Pajakan prabayar

Pajakan yang mana Kumpulan dan LTH menanggung kebanyakannya risiko dan ganjaran pemilikan aset adalah pajakan kewangan. Aset yang diperoleh melalui pajakan kewangan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai saksama dengan nilai kini bagi pembayaran minima pada tarikh permulaan pajakan tersebut, ditolak susut nilai terkumpul.

Untuk mengira nilai kini bayaran minima pajakan, kadar diskaun adalah kadar faedah tersirat di dalam pajakan; sekiranya praktikal, jika tidak, kadar tambahan pembiayaan Kumpulan akan digunakan.

Tanah milik pajak yang mempunyai usia guna ekonomi serta hak milik yang terbatas dan dijangka akan diserahkan kepada pemegang pajak pada akhir tempoh pajakan diambil kira sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat atas kemasukan atau pemerolehan sesuatu tanah milik pajak diambil kira sebagai pajakan prabayar yang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan bersesuaian dengan bentuk manfaat yang diterima kecuali tanah milik pajak yang diklasifikasi sebagai hartanah pelaburan.

Pelunasan

- (i) Hak guna tanah dilunaskan mengikut kadar yang sama setiap tahun dan dalam tempoh antara 30 hingga 97 tahun.
- (ii) Tanah milik pajak dilunaskan mengikut kadar yang sama setiap tahun sepanjang tempoh pajakan antara 20 hingga 999 tahun.

Tanah milik pajak jangka panjang bagi salah satu syarikat subsidiari telah dinilai semula buat pertama kalinya oleh para Pengarah dalam tahun 1992 berdasarkan nilai pasaran semasa untuk tujuan usahasama. Para Pengarah berpendapat bahawa polisi perakaunan yang wajar untuk tanah milik pajak jangka panjang yang digunakan untuk perlادangan kelapa sawit tersebut adalah pada nilai kos. Dengan itu, penilaian semula dalam tahun 1992 adalah dianggap sebagai kos.

(d) Perbelanjaan pembangunan ladang

Semua perbelanjaan berkaitan dengan pembangunan dan kemajuan ladang kelapa sawit dan ladang jati telah dikumpulkan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang. Bagi ladang kelapa sawit, syarikat subsidiari akan melunaskan perbelanjaan ini apabila dipermodalkan dalam hartanah, loji dan peralatan sebagai kos ladang apabila ladang mula mengeluarkan hasil sepenuhnya. Perbelanjaan pembangunan ladang untuk ladang jati pula akan dilunaskan dengan sepenuhnya apabila kerja-kerja pembalakan bermula.

(e) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah tanah dan bangunan pejabat yang dipegang untuk memberi pulangan sewa atau peningkatan nilai aset atau kedua-duanya dan tidak didiami secara ketara oleh Kumpulan dan LTH. Ini adalah termasuk tanah yang dipegang yang masih tidak dapat ditentukan kegunaannya pada masa hadapan. Pelaburan hartanah direkodkan pada kos ditolak susut nilai/pelunasan dan rosot nilai terkumpul sejahtera dengan polisi perakaunan bagi hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam polisi-polisi perakaunan berkaitan. Kadar dan kaedah susut nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 3(b)(i). Apabila sesuatu pelaburan hartanah dijual, perbezaan antara nilai buku dengan harga jualan bersih direkodkan sebagai keuntungan atau kerugian dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(f) Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun rosot nilai. Elaun rosot nilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

Pelaburan dalam saham tercatat dan saham tidak tercatat dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun rosot nilai. Elaun rosot nilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

Pelaburan dalam sekuriti hutang Islam yang dipegang untuk tempoh jangka panjang dinyatakan pada kos (diselaras dengan pelunasan terhadap premium dan tambahan terhadap diskaun dengan kaedah kadar tetap efektif hingga tarikh matang), tolak elaun rosot nilai. Elaun rosot nilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

(g) Aset tak ketara

(i) Muhibbah

Muhibah diperoleh daripada penyatuhan perniagaan yang awalnya dikira berdasarkan lebihan kos penyatuhan perniagaan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangkaan. Muhibah tidak dilunaskan tetapi disemak setiap tahun untuk menentukan sama ada terdapat sebarang penjejasan nilai atau disemak dengan lebih kerap sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang boleh mengakibatkan penjejasan nilainya. Sebarang penjejasan yang dikenal pasti dicaj terus kepada penyata pendapatan.

(ii) Aset tak ketara lain

Aset tak ketara lain merangkumi deposit teras tak ketara, pertalian pelanggan dan jenama yang timbul daripada pengambilalihan perniagaan perbankan dan takaful. Ia dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan berlaku dan dilunaskan mengikut kaedah pelunasan garis lurus antara 10 hingga 12 tahun.

(h) Pembiayaan

Pembiayaan dinyatakan selepas ditolak peruntukan bagi kerugian atas pembiayaan.

Peruntukan bagi pembiayaan lapuk dan ragu

Peruntukan khas dibuat bagi pembiayaan lapuk dan ragu, yang telah disemak semula satu persatu dan dikenal pasti secara khusus sebagai lapuk dan ragu.

Peruntukan am berdasarkan peratusan portfolio pembiayaan (ditolak peruntukan khusus bagi pembiayaan lapuk dan ragu) juga dibuat. Peratusan-peratusan ini disemak semula setiap tahun berdasarkan pengalaman yang lampau dan keadaan yang wujud sekarang dan pelarasannya dibuat pada keseluruhan peruntukan am, jika perlu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(h) Pembiayaan (*sambungan*)

Pembiayaan tak boleh pungut atau bahagian pembiayaan yang dikelaskan sebagai lapuk dihapus kira, setelah memperhitungkan nilai boleh direalisasi cagaran, jika ada, yang pada pendapat pihak pengurusan, tiada harapan dapat dipungut semula.

Peruntukan bagi pembiayaan lapuk dan ragu dihitung mengikut GP3 BNM (September 1998).

(i) Sekuriti

Pelaburan dalam portfolio sekuriti Kumpulan terbit daripada aset sekuriti di bawah kumpulan perbankan dan diklasifikasi mengikut kategori berikut:

(i) Sekuriti dipegang untuk dagangan

Sekuriti dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia diperoleh atau ditanggung terutamanya untuk tujuan menjual atau membelinya semula dalam jangka masa terdekat atau ia merupakan sebahagian daripada portfolio sekuriti-sekuriti tertentu yang diurus bersama di mana terdapat bukti pola sebenar terkini tentang pengambilan untung jangka pendek. Sekuriti yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan akan dinyatakan pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian ekoran daripada perubahan nilai saksama akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Sekuriti tersedia untuk dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah sekuriti yang tidak dikelaskan sebagai pelaburan dipegang untuk dagangan atau pelaburan dipegang hingga matang dan diukur pada nilai saksama. Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak disebut harga pasaran dalam sebuah pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti disebut pada kos. Sebarang keuntungan atau kerugian ekoran perubahan dalam nilai saksama itu diiktiraf terus dalam ekuiti sehingga sekuriti dijual, dilupuskan atau dikurangkan nilai, maka keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam ekuiti akan dipindahkan ke penyata pendapatan. Keuntungan atau kerugian daripada sekuriti sedia untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(iii) Sekuriti dipegang sehingga matang

Sekuriti yang dipegang sehingga matang ialah sekuriti dengan pembayaran tetap atau ditentukan dan kematangan tetap dan bank mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang sekuriti itu hingga matang. Sekuriti ini diukur pada kos terlunas, menggunakan kaedah keuntungan efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila sekuriti dinyahiktiraf atau dikurangkan nilai, serta pelunasan premium dan pertambahan diskaun.

(iv) Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan memegang instrumen kewangan derivatif untuk melindung nilai pendedahan mata wang asingnya. Kedudukan urusniaga pertukaran asing, termasuk kontrak spot dan hadapan dinilai semula pada kadar pasaran semasa pada tarikh lembaran imbalan. Keuntungan dan kerugian yang berhasil bagi tahun kewangan itu adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(j) Kos pembangunan hartanah

(i) Tanah untuk pembangunan hartanah

Tanah untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah atau sebahagian daripada tanah yang mana tiada aktiviti pembangunan telah dijalankan atau yang mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam tempoh pusingan operasi yang normal. Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasi sebagai aset jangka panjang dan dinyatakan pada kos tolak rosot nilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasi sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan apabila dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan tersebut dapat disiapkan dalam tempoh pusingan operasi yang normal.

Kos berkaitan dengan pembelian tanah adalah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

(ii) Kos pembangunan hartanah

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada kos yang berkaitan dengan pembelian tanah dan kesemua kos yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang dapat diuntukkan kepada aktiviti-aktiviti terbabit menggunakan kaedah yang munasabah.

Kos yang dibelanjakan ke atas projek pembangunan yang mana aktiviti pembangunan tersebut dijangka akan siap dalam tempoh pusingan operasi yang normal selama 2 hingga 3 tahun diklasifikasi sebagai aset semasa. Kos umum diuntukkan ke projek pembangunan masa hadapan yang berada dalam lokasi geografi yang sama dengan projek pembangunan sedia ada diklasifikasi sebagai aset jangka panjang.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh diperoleh.

Lebihan pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas jumlah yang dituntut daripada pembeli dinyatakan sebagai bil terakru dalam penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang, manakala lebihan jumlah yang dituntut daripada pembeli ke atas jumlah pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan dinyatakan sebagai bil kemajuan dalam pemutang perniagaan dan pelbagai pemutang.

(k) Belanja tertunda

Perbelanjaan tertunda adalah belanja yang diperuntukkan untuk pembaikan dan pemeliharaan persekitaran dan akan menambah manfaat kawasan persekitaran. Perbelanjaan tertunda ini akan dilunaskan secara garis lurus untuk tempoh 3 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(l) Penjejasan aset

Nilai dibawa bagi aset-aset Kumpulan dan LTH selain harta tanah pembangunan, inventori, aset cukai tertunda, aset yang wujud daripada kontrak pembinaan, aset kewangan (selain pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat usahasama) dan aset yang dipegang untuk dijual, disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk akan adanya penjejasan nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, jumlah boleh diperoleh akan dianggarkan. Penjejasan aset akan diiktiraf apabila nilai dibawa bagi aset atau unit yang menghasilkan aliran tunai melebihi jumlah boleh diperoleh. Kerugian terjejas diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sebarang pertambahan dalam jumlah boleh diperoleh diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jumlah boleh diperoleh adalah jumlah yang lebih besar antara harga jualan bersih aset tersebut berbanding nilai gunaannya. Dalam menentukan nilai gunaan, jangkaan nilai tunai hadapan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa tunai dan risiko-risiko khusus aset tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunai yang tersendiri, jumlah boleh diperoleh ditentukan melalui unit yang menghasilkan aliran tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset lain kerugian terjejas diambil kira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperoleh.

Kerugian terjejas hanya akan diambil kira semula jika terdapat perubahan dalam anggaran untuk jumlah boleh diperoleh dan hanya akan diambil kira semula ke tahap nilai dibawa bagi aset tersebut dan tidak melebihi nilai dibawa jika tiada kerugian terjejas diiktiraf, setelah ditolak susut nilai atau pelunasan.

(m) Cukai

LTH dikecualikan dari cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 hingga tahun taksiran 2011.

Cukai pendapatan syarikat subsidiari atas keuntungan yang boleh dicukai terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan cukai pendapatan berbayar berdasarkan keuntungan boleh dicukai tahun semasa dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara yang boleh dicukai. Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan setakat terdapatnya kemungkinan akan adanya keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak memberikan kesan kepada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(n) Inventori

(i) Pembangunan harta tanah

Harta tanah yang telah siap dan dipegang untuk dijual semula dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh diperoleh. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah pengenalan khusus dan termasuk kos tanah, semua kos langsung bangunan dan lain-lain kos pembangunan yang berkaitan.

(ii) Lain-lain inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai realis bersih dengan menggunakan kaedah purata wajaran sebagai asas utama pengiraan kos.

Kos bagi stok barang minyak sawit mentah ditentukan dengan menggunakan asas purata timbangan dan untuk stok pengeluaran, ianya menggunakan purata timbangan kos pengeluaran di ladang dan termasuk caj-caj pengilangan, pemprosesan dan pengangkutan, yang mana sesuai.

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai realis bersih dengan menggunakan kaedah purata wajaran sebagai asas utama pengiraan kos.

Kos bagi stok barang minyak sawit mentah ditentukan dengan menggunakan asas purata timbangan dan untuk stok pengeluaran, ianya menggunakan purata timbangan kos pengeluaran di ladang dan termasuk caj-caj pengilangan, pemprosesan dan pengangkutan, yang mana sesuai.

Barang-barang stor dinyatakan pada kos berdasarkan nilai yang diinvois oleh pembekal.

Tapak semaihan dinyatakan pada kos. Kos merupakan perbelanjaan penanaman dan penyelenggaraan anak pokok kelapa sawit sebelum dipindahkan ke ladang.

(o) Jumlah ter hutang daripada pelanggan kontrak

Jumlah ter hutang daripada pelanggan kontrak bagi kontrak pembinaan dinyatakan pada kos ditambah keuntungan yang diperoleh, ditolak kerugian yang dijangka dan ditolak bil kemajuan. Kos yang diambil kira termasuk semua kos pembinaan langsung dan lain-lain kos yang berkaitan. Apabila bil kemajuan melebihi jumlah yang ter hutang daripada pelanggan kontrak ditambah keuntungan yang diperoleh dan ditolak kerugian yang dijangka, baki kredit bersih dalam setiap kontrak tersebut ditunjukkan dalam pelbagai pembiutang sebagai jumlah ter hutang kepada pelanggan kontrak.

(p) Peng hutang perniagaan dan pelbagai

Peng hutang perniagaan dan pelbagai dinyatakan pada kos, selepas ditolak elauan kerugian. Elauan kerugian dibuat bagi hutang tidak berbayar yang telah dikaji satu persatu dan dikenal pasti secara spesifik sebagai lapuk atau ragu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(q) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan Kumpulan dan LTH. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan yang akan meningkatkan kelayakan kakitangan ke atas cuti berbayar hadapan, dan cuti berbayar jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila cuti berlaku.

(ii) Pelan caruman tetap

Kumpulan dan LTH membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen yang diiktiraf untuk kakitangan. Caruman ini merupakan pelan caruman tetap yang mana caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa dalam penyata pendapatan apabila ia dibayar.

(iii) Manfaat jangka panjang

LTH menerima pakai FRS119 - Manfaat Pekerja iaitu bayaran manfaat anggota jangka panjang serta dibayar selepas persaraan perlu diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan dalam lembaran imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Pelan Manfaat Persaraan.

Liabiliti berkenaan pelan manfaat persaraan adalah nilai kini pelan manfaat persaraan pada tarikh lembaran imbangan. Pelan ini merangkumi semua anggota bertaraf tetap di LTH yang masih dalam perkhidmatan. Bayaran manfaat persaraan kepada anggota adalah berdasarkan gaji terakhir dan tempoh perkhidmatan. Kos manfaat persaraan ini dibuat ke penyata pendapatan untuk menalarkan kos ke atas tempoh perkhidmatan anggota di LTH dan berdasarkan penilaian aktuari.

Pengiraan kos manfaat persaraan dilaksanakan oleh aktuari bertauliahan untuk kali kedua pada 9 Disember 2008 berdasarkan "Projected Unit Credit Method". Faktor yang diambil kira adalah anggaran aliran tunai masa hadapan, kadar hasil pasaran sekuriti kerajaan yang mempunyai tempoh matang yang hampir bersamaan dengan tempoh liabiliti berkaitan pada tarikh lembaran imbangan.

Jenis-jenis manfaat persaraan jangka panjang yang diiktiraf secara akruan ini adalah seperti berikut:

- i. Manfaat perubatan pesara;
- ii. Bayaran "award" cuti rehat tahunan pesara;
- iii. Bayaran gratuity kepada kakitangan yang bekerja di Jeddah, Arab Saudi yang tamat tempoh perkhidmatan; dan
- iv. Bayaran pakej haji untuk pesara.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

- i. Kadar inflasi ialah 5% - 7% setahun;
- ii. Kadar diskaun ialah pada 6% - 12% setahun; dan
- iii. Kadar kenaikan gaji 6% - 11% setahun.

Polisi Kumpulan adalah melaksanakan penilaian aktuari setiap 3 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(r) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan LTH mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lepas dan ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber yang membentuk faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai semasa daripada perbelanjaan dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi.

(s) Pendapatan tertunda

Pemberian langsung oleh kerajaan berkaitan dengan pembelian dan pembinaan aset serta untuk perbelanjaan penanaman semula kelapa sawit adalah dikategorikan dalam liabiliti jangka panjang sebagai pendapatan tertunda.

(i) Pembangunan ladang

Pendapatan tertunda bagi pembangunan ladang adalah bantuan kerajaan yang digunakan untuk perbelanjaan penanaman semula kelapa sawit dan ianya dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Ianya dilunaskan dalam tempoh 21 hingga 25 tahun berdasarkan anggaran keluaran tahunan apabila perbelanjaan penanaman semula dipindahkan ke harta tanah, loji dan peralatan sebagai kos ladang (Nota 3(b)(ii)) kepada penyata kewangan.

(ii) Kumpulan wang pembangunan

Pendapatan tertunda bagi kumpulan wang pembangunan adalah pemberian langsung oleh kerajaan untuk projek-projek pembinaan Kompleks Jemaah Haji dan dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Kos ini dilunaskan dalam tempoh 50 tahun berdasarkan anggaran usia guna Kompleks Jemaah Haji berkenaan.

(t) Pemiutang perniagaan dan pelbagai pembiutang

Pemiutang perniagaan dan pelbagai dinyatakan pada kos.

(u) Mata wang asing

(i) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga tersebut. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada tarikh lembaran imbangan diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh tersebut. Perbezaan tukaran asing yang timbul akibat terjemahan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Aset dan liabiliti bukan kewangan pada nilai mata wang asing yang dinyatakan pada kos sejarah diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh urus niaga tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(u) Mata wang asing (*sambungan*)

(ii) Penyata kewangan operasi asing

Aset dan liabiliti operasi asing, termasuk muhibah dan nilai saksama yang telah diselaraskan dalam penyatuan, diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran pada tarikh lembaran imbalan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing diterjemah ke Ringgit Malaysia pada kadar purata tukaran untuk sepanjang tahun. Perbezaan tukaran asing yang timbul dari terjemahan operasi asing diiktiraf terus ke dalam rizab.

Kadar penutup yang digunakan dalam terjemahan aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing adalah seperti berikut:

1Rial Saudi	RM0.94	(2008 : 1Rial Saudi	RM0.92)
1,000 Rupiah Indonesia	RM0.36	(2008 : 1,000 Rupiah Indonesia	RM0.32)
1Dolar Amerika	RM3.54	(2008 : 1Dolar Amerika	RM3.46)

(v) Pengiktirafan pendapatan

(i) Pendapatan pelaburan

Keuntungan dari pelaburan yang menurut hukum-hukum syarak diiktiraf di dalam penyata pendapatan secara akru.

Dividen dari pelaburan diiktiraf secara akru apabila hak untuk menerima dividen telah diiktiraf dan disahkan oleh syarikat pelaburan.

Keuntungan atas Sekuriti Hutang Islam, Pembiayaan dan Bon Islam, simpanan di pasaran wang dan pendapatan sewa diambil kira atas dasar terakru.

Pendapatan daripada sumber bukan mengikut Syariah tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan, sejajar dengan garis panduan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

(ii) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan diiktiraf atas dasar akruan.

Pendapatan atas barisan tunai, pembiayaan perumahan dan berjangka mencakupi terutamanya atas dasar kadar pulangan malar dengan rujukan kepada tempoh rehat seperti yang ditetapkan dalam perjanjian pembiayaan.

Jika akaun pembiayaan menjadi tidak membayar, keuntungan terakru dan diiktiraf sebagai pendapatan sebelum tarikh akaun dikategorikan sebagai tak membayar dikeluarkan daripada pendapatan. Selepas itu, keuntungan atas pembiayaan tidak membayar hanya diiktiraf sebagai pendapatan atas dasar tunai. Pendapatan tidak diiktiraf atas akaun pelanggan apabila pembayaran balik telah tertunggak lebih daripada enam bulan dari hari pertama berlaku kemungkinan pembayaran pada pembiayaan, barisan tunai dan pendahuluan; dan tiga bulan dari hari pertama kemungkinan pada bil perdagangan, kad kredit, pembiayaan peribadi, penerimaan jurubank, resit amanah dan instrumen yang sama sifatnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(v) Pengiktirafan pendapatan (*sambungan*)

(iii) Barang jualan dan perkhidmatan

Pendapatan daripada penjualan barang dikira pada nilai saksama pendapatan yang akan diterima dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila semua risiko dan ganjaran hak milik telah dipindahkan kepada pembeli.

Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan telah dilaksanakan. Apabila hasil dari urus niaga itu tidak dapat dianggarkan secara tepat, pendapatan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang diiktiraf yang dapat diperoleh semula.

(iv) Kontrak pembinaan

Pendapatan daripada kontrak pembinaan yang berharga tetap diiktiraf menggunakan kaedah peratusan siap, dikira berpandukan bahagian kos kontrak yang dikenakan untuk kerja-kerja kontrak yang telah dilakukan sehingga kini yang menunjukkan kerja yang telah dilakukan berbanding jumlah anggaran kos kontrak.

Apabila hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan, pendapatan diiktiraf terhad kepada kos kontrak yang dikenakan yang berkemungkinan akan dapat ditampung dan kos kontrak adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh masa ianya berlaku.

Kerugian yang dijangka ke atas sesuatu kontrak diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(v) Pembangunan harta tanah

Keuntungan dari pembangunan harta tanah diiktiraf menggunakan kaedah peratusan siap yang diukur dengan merujuk kepada bahagian kos pembangunan harta tanah yang terlibat dalam kerja-kerja yang dijalankan ke atas anggaran keseluruhan kos pembangunan harta tanah. Apabila kesan kewangan daripada aktiviti pembangunan harta tanah tidak dapat dianggarkan secara kebolehpercayaan, pendapatan pembangunan harta tanah diiktiraf hanya pada tahap di mana kos pembangunan harta tanah terlibat mempunyai kemungkinan akan diperoleh semula, dan kos pembangunan harta tanah ke atas unit pembangunan yang dijual adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia berlaku.

Sebarang kerugian yang dijangka akan berlaku, termasuk kos yang akan terlibat semasa tempoh kecacatan, akan dikenakan kepada penyata pendapatan secara serta-merta.

(vi) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf secara akru.

Jika akaun diklasifikasikan sebagai tidak membayar, faedah digantung dan ditolak balik ke hari pertama sehingga ia direalisasikan atas dasar tunai. Akaun pelanggan diklasifikasikan sebagai tak membayar apabila bayaran tertunggak selama enam bulan atau lebih dari hari pertama mungkir untuk pinjaman dan pendahuluan, kecuali untuk akaun kad kredit, yang diklasifikasikan sebagai tak membayar apabila bayaran tertunggak untuk tempoh lebih daripada tiga bulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(v) Pengiktirafan pendapatan (*sambungan*)

(vii) *Fi dan pengiktirafan pendapatan lain*

Pengaturan kewangan, pengurusan dan fi penyertaan, komisen pengunderitan dan fi brokeraj diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan pengaturan kontrak. Fi jaminan diiktiraf sebagai pendapatan selepas pengeluaran jaminan. Fi daripada aktiviti khidmat nasihat dan pembiayaan korporat diiktiraf setelah ditolak cukai perkhidmatan dan diskaun apabila sempurna setiap peringkat tugas.

(w) Kos pembiayaan

Kos pembiayaan yang terlibat dalam kerja kontrak dalam pembinaan, kos pembangunan harta tanah dan jumlah terutang daripada pelanggan kontrak adalah dipermodalkan. Kos pembiayaan yang dipermodalkan akan berakhir apabila aset tersebut telah sedia untuk digunakan bagi tujuan yang berkaitan.

Kadar yang digunakan untuk menentukan jumlah kos pembiayaan yang layak untuk dipermodalkan ialah purata wajaran kos pembiayaan yang berkaitan dengan pembiayaan syarikat subsidiari yang masih belum dibayar sepanjang tahun, selain daripada pembiayaan yang dibuat khusus untuk membiayai kerja kontrak dalam pembinaan, harta tanah dalam pembangunan, dan jumlah terutang daripada pelanggan kontrak, yang mana kos pembiayaan sebenar yang terlibat dalam pembiayaan tersebut ditolak sebarang pendapatan dari pelaburan sementara ke atas pembiayaan tersebut, akan dipermodalkan.

Seandainya kerja-kerja aktif pembangunan tersebut tergendala, pemodalan kos pembiayaan akan dihentikan sementara bagi sepanjang tempoh tersebut.

Semua kos pembiayaan lain dan kos-kos yang berkaitan dengan pembiayaan diambil kira dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku kecuali kos pembiayaan yang dipermodalkan seperti dinyatakan di atas.

(x) Rizab Penyamaan Keuntungan (“PER”)

PER merujuk kepada amaun yang diagihkan daripada atau dimasuk kira semula kepada jumlah pendapatan kasar untuk mengurangkan turun naik keuntungan boleh dibayar kepada pendeposit. Ini bagi mematuhi “Rangka Kerja Kadar Pulangan” atau BNM/GP2-i yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. PER dicerminkan di bawah liabiliti lain Kumpulan.

(y) Dana Takaful

(i) Dana Takaful Keluarga

Dana Takaful Keluarga adalah dana yang disumbangkan oleh:

- i) Takaful Keluarga;
- ii) Takaful Keluarga Berkelompok; dan
- iii) Takaful Semula Keluarga.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(y) Dana Takaful (*sambungan*)

(i) Dana Takaful Keluarga (*sambungan*)

Dana Takaful Keluarga diselenggarakan bersesuaian dengan kehendak Akta Takaful (Pindaan), 1984 dan ianya termasuk keuntungan milik peserta-peserta yang diperolehi daripada pelaburan. Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta merupakan bahagian keuntungan atas pulangan pelaburan dan akan diagihkan bersesuaian dengan kehendak dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Kumpulan.

Lebihan yang boleh dipindahkan dari Dana Takaful Keluarga ke penyata pendapatan dikira berdasarkan lebihan yang ditentukan oleh penilaian tahunan yang dilaksanakan oleh aktuari bertauliah ke atas tanggungan jangka panjang kepada peserta-peserta.

Pendapatan sumbangan

Sumbangan daripada peserta-peserta diambilkira apabila jumlahnya dapat dikira dengan jelas. Sumbangan awal diambilkira dari tarikh tanggungan risiko dan sumbangan seterusnya diambilkira apabila tanggungan risiko seterusnya bermula.

Di akhir tahun semasa, kesemua sumbangan yang perlu diiktiraf, akan diiktiraf ke tahap ianya dapat dikira dengan jelas.

Perniagaan berkaitan pelaburan

Pelaburan di dalam perniagaan berkaitan pelaburan dinyatakan pada harga penutup pasaran. Sebarang kenaikan atau penurunan dalam nilai pelaburan ini diambilkira di dalam akaun hasil perniagaan berkaitan pelaburan.

Rizab aktuari

Rizab aktuari merangkumi rizab sumbangan tidak diperoleh dan rizab yang dikira mengikut penilaian sumbangan bersih seperti yang dijelaskan di bawah:

i) Rizab sumbangan yang belum diperolehi

Rizab sumbangan yang belum diperolehi untuk dana takaful keluarga berkelompok (kecuali produk Mortgage Reducing Term Takaful ("MRTT")) dan dana takaful semula keluarga mewakili bahagian sumbangan bersih daripada sijil-sijil takaful yang belum tamat tempoh pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan rizab sumbangan tidak terperoleh pada tarikh kunci kira-kira, kaedah paling tepat untuk menggambarkan sumbangan sebenar yang belum diperolehi digunakan, ialah seperti berikut:

a) Kaedah 1/365 untuk semua Dana Takaful Keluarga Berkelompok di Malaysia

b) Asas pro-rata berdasarkan kaedah pembahagian masa untuk Dana Takaful Semula Keluarga

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(y) Dana Takaful (*sambungan*)

(i) Dana Takaful Keluarga (*sambungan*)

*Rizab aktuari (*sambungan*)*

ii) Penilaian sumbangan bersih

Tanggungan aktuari bagi produk MRTT yang diuruskan di bawah dana keluarga berkelompok adalah dikira mengikut penilaian kaedah sumbangan bersih (“NCV”) dan ditentukan dengan menolak nilai semasa sumbangan bersih masa hadapan daripada nilai semasa jumlah berisiko masa hadapan. Bagi semua unjuran, terdapat elemen ketidaktentuan dan unjuran tanggungan mungkin berbeza daripada yang sebenar.

Tuntutan

Tuntutan-tuntutan dan kos-kos penyelesaian yang berlaku di sepanjang tahun kewangan diiktiraf apabila peristiwa-peristiwa yang membolehkan tuntutan dibuat berlaku dan/atau pengendali takaful dimaklumkan.

Tuntutan-tuntutan dan peruntukan yang timbul daripada sijil-sijil keluarga dan keluarga berkelompok, termasuk kos-kos penyelesaian diambilkira berdasarkan kaedah asas kes dan bagi tujuan ini, manfaat-manfaat belum bayar diiktiraf seperti berikut:

- (a) Sijil-sijil yang matang atau bayaran manfaat yang perlu dibayar pada suatu tarikh khusus dianggap sebagai tuntutan belum bayar pada tarikh tersebut.
- (b) Kematian, serahan dan manfaat-manfaat lain tanpa tarikh khusus dianggap sebagai tuntutan belum bayar pada tarikh penerimaan makluman kematian peserta atau berlakunya kejadian yang dilindungi.
- (c) Bagi perniagaan kesihatan kelompok, peruntukan dibuat untuk tuntutan, bersama-sama dengan perbelanjaan yang berkaitan, yang berlaku tetapi tidak dilaporkan (“IBNR”) pada tarikh lembaran imbanginan, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik oleh aktuari bertauliah di mana data tuntutan di masa lepas digunakan untuk mengunjurkan tuntutan masa depan. Bagi semua unjuran, terdapat elemen ketidaktentuan dan tuntutan diunjurkan mungkin berbeza daripada yang sebenar.

(ii) Dana Takaful Am

Dana Takaful Am diselenggarakan bersesuaian dengan kehendak Akta Takaful (Pindaan), 1984 dan ianya terdiri daripada:

- (i) Takaful Am;
- (ii) Takaful Semula Asean Takaful Group (ATG); dan
- (iii) Takaful Semula Am.

Hasil pengunderitan takaful am ditentukan berdasarkan kelas perniagaan takaful selepas mengambilkira takaful semula, komisyen, sumbangan belum terima, tuntutan-tuntutan dan perbelanjaan pengurusan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(y) Dana Takaful (*sambungan*)

(ii) Dana Takaful Am (*sambungan*)

Lebihan bersih daripada takaful semula am ditentukan selepas takaful semula, rizab sumbangan belum terima, tuntutan-tuntutan bersih dan kos-kos pemerolehan, ditolak.

Keuntungan yang boleh diagihkan kepada syarikat-syarikat takaful semula mewakili bahagian mereka ke atas lebihan daripada takaful semula am dan boleh diagihkan berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Kumpulan.

Pendapatan sumbangan

Sumbangan daripada peserta-peserta diambilkira pada tahun semasa berdasarkan tarikh tanggungan risiko.

Sumbangan untuk Takaful Semula “Inward Treaty” diiktiraf berdasarkan makluman diterima dari syarikat-syarikat takaful/ insuran semula “ceding” dari masa ke semasa.

Rizab sumbangan yang belum diperolehi

Rizab sumbangan yang belum diperolehi mewakili bahagian sumbangan bersih daripada sijil-sijil takaful yang belum tamat tempoh pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan rizab sumbangan yang belum diperolehi pada tarikh lembaran imbang, kaedah paling tepat untuk menggambarkan sumbangan sebenar yang belum diperolehi digunakan seperti berikut:

- i) Kaedah 1/365 untuk semua dana takaful am di Malaysia
- ii) Kaedah 1/8 untuk semua kelas takaful am “inward”

Tuntutan

Tanggungan untuk tuntutan belum bayar diiktiraf oleh Kumpulan bagi perniagaan takaful langsung. Jumlah tuntutan belum bayar adalah anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan termasuk belanja-belanja berkaitan ditolak pemulihan untuk menyelesaikan tanggungan kini pada tarikh lembaran imbang. Sebaran perbezaan diantara kos yang dianggarkan dengan penyelesaian dibuat akan diambilkira di dalam penyata pendapatan pada tahun di mana penyelesaian dibuat. Peruntukan juga dibuat oleh Kumpulan untuk kos-kos tuntutan, termasuk perbelanjaan berkait yang berlaku tetapi tidak dilaporkan pada tarikh lembaran imbang, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan, bersama-sama dengan perbelanjaan berkaitan, yang berlaku tetapi tidak dilaporkan (“IBNR”) pada tarikh lembaran imbang, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik oleh aktuari berauliah di mana pengalaman tuntutan bersejarah digunakan untuk mengunjurkan tuntutan masa depan. Bagi semua unjuran, terdapat elemen ketidaktentuan dan tuntutan diunjurkan mungkin berbeza daripada yang sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

3. Dasar perakaunan penting (*sambungan*)

(z) Aset bukan semasa yang dipegang untuk dijual dan operasi dihentikan

Aset bukan semasa (atau sekumpulan aset) diklasifikasi sebagai aset yang dipegang untuk dijual jika jumlah dibawa akan diperoleh terutamanya melalui urus niaga penjualan berbanding melalui penggunaan berterusan. Syarat ini diiktiraf sebagai syarat yang telah dipenuhi hanya apabila penjualan tersebut berkemungkinan tinggi akan dilaksanakan dan aset tersebut (atau sekumpulan aset) dapat dijual dengan serta-merta dalam keadaannya yang terkini tertakluk kepada terma-terma biasa dan lazim.

Sejurus sebelum pengkelasan sebagai aset yang dipegang untuk dijual, nilai aset bukan semasa ini (atau sekumpulan aset dan tanggungan) dikemas kini mengikut piawaian perakaunan yang berkaitan. Selanjutnya, pada pengkelasan awal sebagai aset yang dipegang untuk dijual, aset bukan semasa atau sekumpulan aset dan tanggungan untuk dijual (kecuali pelaburan harta tanah, aset cukai tertunda, aset kewangan dan inventori) diukur menurut FRS 5 iaitu pada nilai yang lebih rendah antara jumlah dibawa berbanding nilai saksama selepas ditolak kos untuk dijual. Sebarang perbezaan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian.

Sesuatu komponen dalam Kumpulan diklasifikasi sebagai operasi dihentikan apabila kriteria untuk dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual telah dipenuhi atau aset tersebut telah pun dijual.

(aa) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan, wang panggilan dan simpanan antara bank, dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai. Untuk tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dinyatakan bersih dari overdraf bank dan deposit dicagarkan.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGANbagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)**4. Tunai dan dana jangka pendek**

	Kumpulan 2009 RM'000	2008 RM'000	Lembaga Tabung Haji 2009 RM'000	2008 RM'000
Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen	4,102,794	3,049,504	4,365,634	2,925,054
Tunai dan baki di bank	981,253	291,150	144,508	167,417
Wang panggilan dan simpanan antara bank dengan tempoh matang tidak melebihi satu bulan	3,261,564	-	-	-
	8,345,611	3,340,654	4,510,142	3,092,471

Tunai dan dana jangka pendek adalah di dalam mata wang berikut:

	Kumpulan 2009 RM'000	2008 RM'000	Lembaga Tabung Haji 2009 RM'000	2008 RM'000
Ringgit Malaysia	8,262,604	3,225,374	4,447,514	3,028,235
Rial Saudi	63,084	73,597	62,628	64,236
Rupiah Indonesia	19,923	41,683	-	-
	8,345,611	3,340,654	4,510,142	3,092,471

Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen dan tunai dan baki di bank Kumpulan dan LTH adalah termasuk pelaburan dalam simpanan jangka pendek dan tunai dan baki di bank milik TKJHM dan TWT sebanyak RM157,696,000 (2008: RM153,632,000).

Tunai dan baki di bank Kumpulan termasuk RM4,153,000 (2008: RM16,367,000) yang dipegang menurut Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2002.

Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen bagi Kumpulan dan LTH mendapat margin keuntungan di antara 1.00% - 3.00% (2008: 3.00% - 4.00%).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

4. Tunai dan dana jangka pendek (*sambungan*)

Tunai dan baki di bank yang dicagarkan kepada bank untuk kemudahan jaminan bank, adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	<u>2009</u>	<u>2008</u>
	RM'000	RM'000
Simpanan dengan bank berlesen	191	1,905

Tunai dan baki di bank yang dicagarkan kepada bank untuk kemudahan jaminan bank yang diberikan kepada pihak ketiga adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	<u>2009</u>	<u>2008</u>
	RM'000	RM'000
Simpanan dengan bank berlesen	1,811	1,249

5. Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain

	Kumpulan	
	<u>2009</u>	<u>2008</u>
	RM'000	RM'000
Bank-bank berlesen	176,339	-

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGANbagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)**6. Sekuriti dipegang untuk dagangan**

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000

*Pada nilai saksama:***Sekuriti tercatat di Malaysia**

Saham

9,049	-
530,769	-
53,778	-
14,743	-
599,290	-
608,339	-

Sekuriti tak tercatat di Malaysia

Nota Boleh Niaga Bank Negara

Sekuriti Perdagangan Islam

Bil Perbendaharaan Islam Malaysia

7. Sekuriti tersedia untuk dijual

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000

*Pada nilai saksama:***Sekuriti tercatat di Malaysia**

Unit amanah

15,303	-
68,470	-
83,773	-

Sekuriti tak tercatat di Malaysia

Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia

Sijil Hutang Boleh Niaga Islam

Sekuriti Perdagangan Islam

Sekuriti Hutang Islam

Bil Perbendaharaan Islam Malaysia

Bil Setuju

Saham

Nota Janji Hutang

3,793,651	-
2,759,366	-
309,698	-
4,382,047	-
31,829	-
35,246	-
27,630	-
5,108	-
11,344,575	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

7. Sekuriti tersedia untuk dijual (*sambungan*)

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Sekuriti tak tercatat di luar Malaysia		
Unit amanah Islamic Development Bank	1,923	-
Saham	2,996	-
	4,919	-
	11,433,267	-
Tolak: Kerugian penjejasan		
- Unit amanah	(562)	-
- Sekuriti Hutang Islam	(45,154)	-
- Saham tak tercatat	(15,406)	-
	(61,122)	-
	11,372,145	-

8. Sekuriti dipegang sehingga matang

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Sekuriti tak tercatat di Malaysia		
Sekuriti Hutang Islam	167,294	-
Tolak: Kerugian penjejasan	(12,287)	-
	155,007	-

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGANbagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)**9. Aset dipegang untuk dijual**

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	116	188	116	187
Pajakan prabayar	44	70	44	70
Pelaburan hartaanah	1,467	2	-	-
Kos pembangunan hartaanah	-	1,858	-	-
Penghutang perniagaan dan pelbagai	-	491	-	-
Tuntutan semula cukai	-	148	-	-
	1,627	2,757	160	257

Tanggungan berkaitan dengan aset untuk dijual

Pembiutang perniagaan dan pelbagai	-	179	-	-
------------------------------------	---	-----	---	---

10. Penghutang perniagaan dan pelbagai

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Penghutang perniagaan				
Penghutang perniagaan	224,151	261,676	69,146	129,725
Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak (Nota 10 (a))	837	2,328	-	-
	224,988	264,004	69,146	129,725

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

10. Penghutang perniagaan dan pelbagai (*sambungan*)

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Pelbagai penghutang				
Bil belum terima	495	-	-	-
Penerimaan Dana Takaful	83,010	-	-	-
Baki debit akaun klien dan peniaga	12,152	-	-	-
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	488,045	269,135	71,671	52,477
Pembiayaan kakitangan	56,117	61,922	41,583	61,922
Jumlah terhutang daripada:				
- Syarikat subsidiari	-	-	104,497	77,423
- Entiti dikawal bersama	119,405	6,506	-	-
	759,224	337,563	217,751	191,822
	984,212	601,567	286,897	321,547

Nota 10 (a) - Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Perbelanjaan pembangunan	302,424	141,745
Keuntungan diagihkan	21,505	17,729
	323,929	159,474
Bil kemajuan	(323,092)	(157,146)
	837	2,328

Termasuk dalam penambahan perbelanjaan pembangunan bagi tahun semasa adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Kos pembiayaan	37	128
Sewa hartanah dan peralatan	137	128

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

11. Inventori

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Barang-barang stor	30,623	106,596
Stok barang	42,622	53,618
Tapak semaihan	9,944	9,300
Hartanah yang telah siap	2,231	1,586
	85,420	171,100

12. Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009	2008	2009	2008
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kemudahan tunai	208,701	-	-	-
Pembiayaan bertempoh	16,396,916	-	-	-
Kad kredit	423,491	-	-	-
Bil perdagangan terdiskaun	1,485,103	-	-	-
Resit amanah	133,009	-	-	-
Pembiayaan kepada syarikat subsidiari	-	-	893,840	1,045,178
	18,647,220	-	893,840	1,045,178
Tolak: Pendapatan belum diterima	(7,189,521)	-	-	-
	11,457,699	-	893,840	1,045,178
Tolak: Peruntukan untuk pembiayaan				
- hutang lapuk dan ragu				
- Am	(170,293)	-	-	-
- Khusus	(829,408)	-	-	-
	(999,701)	-	-	-
Jumlah	10,457,998	-	893,840	1,045,178

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

12. Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain (*sambungan*)

Termasuk dalam pembiayaan kepada syarikat subsidiari ialah pembiayaan yang diberikan kepada sebuah syarikat subsidiari di Indonesia untuk membangunkan ladang kelapa sawit di Riau, Indonesia. Pembiayaan tersebut adalah bercagar dan mempunyai tempoh bayaran balik sehingga tahun 2030.

Pembiayaan kepada sebuah syarikat subsidiari di Malaysia dikenakan margin keuntungan sebanyak 4.50% - 7.00% (2008: 4.50% - 7.00%) dan mempunyai tempoh bayaran balik sehingga tahun 2014.

13. Deposit berkanun di Bank Negara Malaysia

Deposit berkanun tanpa faedah disimpan di Bank Negara Malaysia sebagai mematuhi Seksyen 37 (1) (c) Akta Bank Pusat Malaysia 1958 (disemak semula 1994), dan amanya ditentukan sebagai peraturan tertentu jumlah liabiliti yang layak.

14. Belanja tertunda

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Perbelanjaan pembangunan	32,744	21,088
Tolak : Pelunasan terkumpul	(17,034)	(9,072)
	15,710	12,016

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGANbagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)**15. Kos pembangunan hartanah**

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Kos pembangunan hartanah adalah seperti berikut:		
Tanah	64,707	64,707
Kos pembangunan	444,719	377,438
	509,426	442,145
<i>Tambah :</i>		
Kos pembangunan tahun semasa	61,089	67,281
	570,515	509,426
<i>Tolak:</i>		
Kos diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan		
Tahun terdahulu	(291,076)	(258,177)
Tahun semasa	(49,141)	(32,899)
	230,298	218,350
Bahagian jangka pendek	33,106	7,631
Bahagian jangka panjang	197,192	210,719
	230,298	218,350

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

16. Cukai tertunda

Jumlah aset dan liabiliti cukai tertunda setelah diselaraskan dengan sewajarnya adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Aset cukai tertunda	73,174	13,579
Liabiliti cukai tertunda	(135,810)	(41,877)
	(62,636)	(28,298)

Aset dan liabiliti cukai tertunda diselaraskan di mana terdapat hak yang sah untuk menyelaraskan aset cukai semasa ke atas liabiliti cukai semasa dan di mana cukai tertunda adalah berkait dengan badan percukaian yang sama.

Aset dan liabiliti cukai tertunda selepas diselaraskan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Hartanah, loji dan peralatan		
- elau modal	(136,178)	(40,230)
Elaun rosot nilai	4,298	3,564
Elaun modal belum diserap	334	229
Kerugian cukai belum digunakan	6,866	10,576
Lain-lain	62,044	(2,437)
	(62,636)	(28,298)

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan Syarikat Subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGANbagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)**17. Pelaburan kewangan**

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<i>Jangka panjang</i>				
Amanah saham	77,644	77,644	77,644	77,644
	77,644	77,644	77,644	77,644
Nota pembiayaan korporat	22,238	83,741	22,238	83,741
Tolak : Elaun rosot nilai pelaburan terkumpul	(20,099)	(12,712)	(20,099)	(12,712)
	2,139	71,029	2,139	71,029
Dana ekuiti swasta - luar negara	37,549	37,788	37,549	37,788
	37,549	37,788	37,549	37,788
Sekuriti hutang	401,767	401,360	401,767	401,360
	401,767	401,360	401,767	401,360
Pelaburan bon jangka panjang	1,269,495	957,464	1,349,495	957,464
Peningkatan diskaun	3,104	787	3,104	787
Tolak : Pelunasan premium	(4,315)	(4,390)	(4,315)	(4,390)
	1,268,284	953,861	1,348,284	953,861
Pelaburan NIDC	20,000	170,000	180,000	170,000
	20,000	170,000	180,000	170,000
Pelaburan pengurus tabungan	49,500	-	49,500	-
	49,500	-	49,500	-
	1,856,883	1,711,682	2,096,883	1,711,682

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

17. Pelaburan kewangan (*sambungan*)

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<i>Jangka pendek</i>				
Bon jangka pendek	689,667	824,449	689,667	824,449
Nota korporat	106,518	19,501	106,518	19,501
Pelaburan NIDC	20,000	1,296,298	1,105,000	1,296,298
Sijil pelaburan kerajaan	560,684	185,125	560,684	185,125
	1,376,869	2,325,373	2,461,869	2,325,373
	3,233,752	4,037,055	4,558,752	4,037,055

18. Pelaburan ekuiti

	Kumpulan		Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<i>Tercatat</i>				
Saham pada kos	7,468,592	7,535,359	7,413,861	7,534,957
Tolak : Elaun rosot nilai pelaburan terkumpul	(431,754)	(411,518)	(322,268)	(301,978)
	7,036,838	7,123,841	7,091,593	7,232,979
Akaun modal dengan pengurus tabungan	493,326	438,777	493,326	438,777
Tolak : Elaun rosot nilai pelaburan terkumpul	(14,366)	(131)	(14,366)	(131)
	478,960	438,646	478,960	438,646
<i>Tak tercatat</i>				
Saham pada kos	69,663	236,986	520,017	236,278
Tolak :				
Elaun rosot nilai pelaburan terkumpul	(43,394)	(19,333)	(43,394)	(19,333)
Hapuskira pelaburan tahun semasa	-	(2,733)	-	(2,733)
	26,269	214,920	476,623	214,212
	7,542,067	7,777,407	8,047,176	7,885,837
Harga pasaran saham tercatat	6,697,449	4,833,725	6,697,326	4,833,656

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

19. Aset tak ketara

Kos	2009	Kumpulan		Jumlah
		Muhibah RM'000	Aset tak ketara lain RM'000	
Pada 1 Januari		-	-	-
Pengambilalihan syarikat subsidiari		249,648	94,867	344,515
Pada 31 Disember		249,648	94,867	344,515
Pelunasan terkumpul:				
Pada 1 Januari		-	-	-
Pelunasan tahun semasa			(4,118)	(4,118)
Pada 31 Disember		-	(4,118)	(4,118)
Nilai dibawa bersih pada 31 Disember 2009		249,648	90,749	340,397
2008				
Nilai dibawa bersih pada 31 Disember 2008		-	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

20. Pelaburan dalam entiti dikawal bersama

	Kumpulan 2009 RM'000	2008 RM'000
Kos	124,993	1,543
Tolak: Elaun rosot nilai tahun semasa	(750)	(750)
	124,243	793
Bahagian keuntungan/(kerugian) selepas tarikh pengambilalihan	(4,522)	7,384
	119,721	8,177

Kepentingan Kumpulan dalam aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan entiti dikawal bersama adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2009 RM'000	2008 RM'000
Aset bukan semasa	28,478	-
Aset semasa	79,095	24,168
Liabiliti bukan semasa	(34,644)	-
Liabiliti semasa	(99,844)	(15,168)
	(26,915)	9,000
Pendapatan	338,717	13,131
Perbelanjaan	(334,269)	(15,815)
	4,448	(2,684)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

20. Pelaburan dalam entiti dikawal bersama (*sambungan*)

Butiran mengenai entiti dikawal bersama adalah seperti berikut:

Pegangan secara tidak langsung

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
Diperbadankan di Malaysia			
TH Universal Builders Sdn. Bhd./ Bina Darulaman Berhad Joint Venture	Membina dan melengkapkan peralatan bagi Hospital Sungai Petani	70	70
Trurich Resources Sdn. Bhd.	Pemegangan pelaburan	50	100
Diperbadankan di Indonesia			
PT Synergy Oil Nusantara	Pemprosesan minyak sawit mentah dan pemasaran produk minyak sawit bertapis	50	95

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

21. Pelaburan dalam syarikat bersekutu

	Kumpulan	Lembaga Tabung Haji		
	<u>2009</u> RM'000	<u>2008</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000	<u>2008</u> RM'000
Tercatat				
Saham pada kos	850,641	1,366,762	850,641	1,366,762
Tak tercatat				
Saham pada kos	413,265	410,604	409,964	407,452
Tolak : Elaun rosot nilai pelaburan terkumpul	(144,350)	(137,505)	(144,201)	(137,356)
	268,915	273,099	265,763	270,096
Tambah : Bahagian dalam syarikat bersekutu:				
- Keuntungan terkumpul	354,154	343,616	-	-
- Rizab modal	269	269	-	-
	354,423	343,885	-	-
	1,473,979	1,983,746	1,116,404	1,636,858
Harga pasaran saham tercatat	640,858	888,970	640,858	888,970

Ahli Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sebarang pengurangan nilai saham tercatat adalah bersifat sementara. Oleh itu, tiada elaun rosot nilai dibuat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

21. Pelaburan dalam syarikat bersekutu (*sambungan*)

Butiran mengenai syarikat bersekutu yang kesemuanya ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

Pegangan secara langsung

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
Bersekutu tercatat			
Pelikan International Corporation Berhad	Pengeluaran dan pengedaran alat tulis	30	28
Silver Bird Group Berhad	Pembuatan, pemasaran dan pengedaran roti dan produk bakeri	28	30
KFC Holdings (Malaysia) Berhad	Rangkaian operasi restoran	25	20
Ramunia Holdings Berhad	Pembinaan dan pembuatan struktur-struktur pelantar minyak dan gas	25	30
BIMB Holdings Berhad	Perbankan Islam dan Takaful	-	42
Bersekutu tak tercatat			
CCM Fertilizers Sdn. Bhd.	Pengeluaran dan pemasaran baja	50	50
ASMTH Sdn. Bhd.	Pengurusan harta tanah	49	49
Maju TH Sdn. Bhd.	Pengurusan harta tanah	49	49
Express Rail Link Sdn. Bhd.	Mereka bentuk, membina, mengendali dan menyelenggara sistem keretapi laju	40	40
Nihon Canpack (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran dan penjualan minuman dalam tin	40	40

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

21. Pelaburan dalam syarikat bersekutu (*sambungan*)

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
Bersekutu tak tercatat			
Boral Plasterboard (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan dan pemasaran papan gipsum dan plaster	30	30
Sincere Match & Tobacco Factory Sdn. Bhd.	Pemasaran dan pengedaran mancis dan pemerkak api	30	30
Swasta Setia Holdings Sdn. Bhd.	Pengurusan harta tanah	30	30
Taiping Advertising Matches Sdn. Bhd.	Pengeluaran dan pengedaran mancis dan pemerkak api	30	30
Gallant Precision Tool & Engineering Enterprise (M) Sdn. Bhd.	Pembuatan dan pembaikan alat mengukur ketepatan, acuan dan pewarna	25	25
Perumahan Kinrara Bhd.	Pemaju harta tanah	25	25
I&P Kota Bayuemas Sdn. Bhd.	Pengurusan harta tanah	23	23
Bata (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan dan pemasaran kasut dan barang berkaitan	20	20
Consolidated Fertiliser Sdn. Bhd.	Pengeluaran dan pemasaran baja	20	-
Prizevest Sdn. Bhd.**	Pengurusan harta tanah	30	30
Victec Enterprise Sdn. Bhd.**	Pengurusan harta tanah	30	30
Top Priority Sdn. Bhd. **	Pengurusan harta tanah	30	30
Kulim Advance Education Corporation Sdn. Bhd.	Pendidikan pengajian tinggi	-	40

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

21. Pelaburan dalam syarikat bersekutu (*sambungan*)

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
Bersekutu tak tercatat			
Coats Thread (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran dan pengedaran benang kain	-	38
East Johor Marine Farms	Penternakan udang harimau	-	34
Techsteel Corporation Berhad	Pembuatan perabot	-	30
MM Telecommunication Sdn. Bhd.** <i>(dahulunya dikenali sebagai Marconi (Malaysia) Sdn. Bhd.)</i>	Pembuatan dan pemasangan peralatan dan komponen telekomunikasi	-	23
PMS Concrete Products Sdn. Bhd. **	Pembinaan	-	20
Pegangan secara tidak langsung			
TH Technologies Sdn. Bhd. <i>dan syarikat bersekutunya:</i>			
HCM-TH Technologies JV	Menaik taraf jalan raya	40	40
VPI System Sdn. Bhd.	Perkhidmatan perolehan berpusat dan pengurusan komputer peribadi	35	35
HCM-TH Technologies Sdn. Bhd.	Menaik taraf jalan raya	30	30
Roadcare (M) Sdn. Bhd.	Menaik taraf jalan raya	28	28

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

21. Pelaburan dalam syarikat bersekutu (*sambungan*)

Pegangan secara tidak langsung (*sambungan*)

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
BIMB Holdings Bhd <i>dan syarikat bersekutunya:</i>			
Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd.	Perkhidmatan latihan dan perundingan	25	-

** LTH tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi syarikat-syarikat ini kerana telah diletakkan di bawah penyeliaan Penerima dan Pengurus ('Receiver & Manager'), walaupun LTH masih memegang sebahagian daripada ekuitinya. Oleh itu, syarikat-syarikat ini tidak disatukan dan telah dihapuskira sepenuhnya.

22. Pelaburan dalam syarikat subsidiari

	Lembaga Tabung Haji	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Tercatat		
Saham pada kos	1,051,941	190,412
Tak tercatat		
Saham pada kos	1,530,533	1,040,439
Tolak : Elaun rosot nilai pelaburan terkumpul	(29,457)	(21,036)
	1,501,076	1,019,403
	2,553,017	1,209,815
Harga pasaran saham tercatat	1,218,931	379,059

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

22. Pelaburan dalam syarikat subsidiari (*sambungan*)

Berikut adalah syarikat subsidiari LTH:

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
Diperbadankan di Malaysia			
TH Plantations Berhad <i>(dan syarikat subsidiarinya:</i>	Pemegangan pelaburan, perladangan kelapa sawit, pemprosesan dan pemasaran produk kelapa sawit dan perkhidmatan pengurusan	68	68
THP Ibok Sdn. Bhd. <i>(dahulunya dikenali sebagai</i> <i>TH Peladang Sdn. Bhd.)</i>	Perladangan kelapa sawit dan penjualan buah tandan segar	68	68
THP Gemas Sdn. Bhd. <i>(dahulunya dikenali sebagai</i> <i>Ladang Bangka Ulu Sdn. Bhd.)</i>	Perladangan kelapa sawit, pemprosesan dan pemasaran produk kelapa sawit	68	68
Zecon Plantation Sdn. Bhd.	Pemegangan pelaburan	68	68
THP Saribas Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit dan penjualan buah tandan segar	54	54
THP-YT Plantation Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit dan penjualan buah tandan segar	48	48
THP Bukit Belian Sdn. Bhd. <i>(dahulunya dikenali sebagai</i> <i>Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.)</i>	Perladangan kelapa sawit dan penjualan buah tandan segar	68	68
THP Sabaco Sdn. Bhd. <i>(dahulunya dikenali sebagai</i> <i>Syarikat Sabaco Sdn. Bhd.)</i>	Perladangan kelapa sawit, pemprosesan dan pemasaran produk kelapa sawit	35	35

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

22. Pelaburan dalam syarikat subsidiari (*sambungan*)

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
THP Kota Bahagia Sdn. Bhd. <i>(dahulunya dikenali sebagai Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd.)</i>	Perladangan kelapa sawit dan penjualan buah tandan segar	68	100
THP Agro Management Sdn. Bhd. <i>(dahulunya dikenali sebagai Lebikaya Sdn. Bhd.)</i>	Perkhidmatan pengurusan	68	100
BIMB Holdings Berhad <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Pemegangan pelaburan	51	-
Bank Islam Malaysia Berhad <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Perbankan Islam	35	-
Al-Wakalah Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan nomini	35	-
BIMB Foreign Currency Clearing Agency Sdn. Bhd.	Pengurusan mata wang asing	35	-
Bank Islam (L) Ltd	Dorman	35	-
BIMB Investment Management Berhad	Pengurus dana Unit Amanah BIMB	35	-
BIMB Trust Company (Labuan) Ltd. <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Perkhidmatan syarikat amanah dan perkhidmatan berkaitan	35	-
BIMB Offshore Company Management Services Sdn. Bhd.	Dorman	35	-

Lembaga Tabung Haji*(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)***dan Syarikat Subsidiari****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)**22. Pelaburan dalam syarikat subsidiari (*sambungan*)**

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
Syarikat Takaful Malaysia Berhad <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Perkhidmatan takaful keluarga dan takaful am	34	-
ASEAN Retakaful International (L) Ltd	Takaful semula luar pesisir	21	-
BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd. <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Pemegangan pelaburan	51	-
BIMB Securities Sdn. Bhd. <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Broker saham	51	-
BIMSEC Asset Management Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengurusan pelaburan	51	-
BIMSEC Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan nomini	51	-
BIMSEC Nominees (Asing) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan nomini	51	-
Syarikat Al-Ijarah Sdn. Bhd.	Pajakan aset	51	-
Pembangunan Perumahan Nasional Sdn. Bhd.	Dorman	26	-
BIMB Venture Capital Sdn. Bhd.	Pemberian khidmat nasihat dan perundingan	51	-
BIMB Musyarakah Satu Sdn. Bhd.	Syarikat perkongsian modal dan syarikat pelaburan	51	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

22. Pelaburan dalam syarikat subsidiari (*sambungan*)

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
Lityan Holdings Berhad <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Pemegangan pelaburan	65	-
Lityan Systems Sdn. Bhd. <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Penjualan dan perkhidmatan penyelenggaraan dan penyewaan peralatan komputer, telekomunikasi dan pejabat	65	-
Lityan Applications Sdn. Bhd.	Pemasaran produk komputer dan perkhidmatan pembangunan aplikasi	65	-
Advanced Business Solutions (Malaysia) Sdn. Bhd.	Perkhidmatan tenaga kerja bagi industri teknologi maklumat	65	-
Teem Business Solutions Sdn. Bhd.	Pembangunan dan pemasaran perisian dan program komputer	65	-
Konsortium Jaya Sdn. Bhd. <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Penjualan dan penyelenggaraan komputer dan peralatan telekomunikasi	65	-
Kirium Solutions Sdn. Bhd.	Mempromosi industri teknologi maklumat	65	-
KJ Telecommunications Sdn. Bhd.	Pemasangan, pembuatan dan pengedaran peralatan telekomunikasi	46	-
KJ Mobidata Sdn. Bhd.	Dorman	65	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (*sambungan*)

22. Pelaburan dalam syarikat subsidiari (*sambungan*)

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		2009 %	2008 %
Lityan Management Sdn. Bhd.	Perkhidmatan penyelenggaraan bangunan dan perkhidmatan pengurusan	65	-
Hi Pro Edar (M) Sdn. Bhd.	Mempromosi industri teknologi maklumat	65	-
THT Integrated Solutions Sdn. Bhd.	Pembekal penyelesaian teknologi maklumat	65	100
Lityan Marketing Sdn. Bhd.	Pelaburan hartanah	65	-
Impianas Sdn. Bhd. <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Mengendali rangkaian data telefon awam	65	-
Sistem Komunikasi Gelombang Sdn. Bhd.	Pembekalan peralatan telekomunikasi	65	-
Lityan Overseas Sdn. Bhd. <i>dan syarikat subsidiarinya:</i>	Pemegangan pelaburan	65	-
Lityan (L) Incorporated	Pemegangan pelaburan dan penjualan peralatan telekomunikasi	65	-
